

Kerajaan tidak tetapkan harga permulaan rumah

UM - 20/9/2006

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan menetapkan harga permulaan bagi rumah yang dibina syarikat pemaju kecuali rumah kos rendah.

Menterinya, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, kementerian hanya mengawal cadangan syarikat pemaju untuk menaikkan atau menurunkan harga rumah, selain memastikan syarikat berkenaan itu melaksanakan pelbagai tawaran ketika mengiklankan rumah.

Menurutnya, kementeriannya tidak mahu mengadakan kawalan tersebut bagi mengelakkan industri pembinaan rumah terlalu rigid, sukar bergerak serta tidak boleh menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

"Sehubungan itu, kementerian membenarkan syarikat pemaju menetapkan harga rumah berdasarkan pertimbangan mengenai jenis, reka bentuk, keluasan tanah dan lokasi," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2007 bagi kementeriannya di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Ka Ting, pemaju sendiri perlu menanggung risiko kerugian daripada penetapan harga jualan rumah masing-masing manakala pembeli perlu bijak membuat analisa dan perbandingan harga rumah yang hendak dibeli berbanding dengan projek lain serta berdasarkan kemampuan kewangan.

Sementara itu, beliau berkata, bagi mengatasi masalah pinjaman perumahan masyarakat berpendapatan rendah, kementeriannya telah melaksanakan Skim Pinjaman Bersama dan Skim Pinjaman Dua Generasi.

"Golongan yang benar-benar tidak berupaya atau tidak layak untuk mendapatkan pinjaman perumahan atau tidak mampu membayar sewa disediakan dana khas bagi membiayai sewa rumah yang akan diselaraskan," katanya.

Mengenai usaha menangani rasuah dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), beliau memberitahu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan PBT.

"Penubuhan jawatankuasa itu adalah bagi memastikan usaha-usaha membanteras rasuah dan penyelewengan dapat peringkat oleh agensi-agensi kerajaan secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterasan," katanya.

Mengenai penubuhan Pasukan Bomba Sukarela, Ka Ting menjelaskan, kementerian sentiasa menggalakkan penubuhan pasukan itu bagi membantu Pasukan Bomba dan Penyelamat dalam menghadapi ancaman kebakaran.

"Setakat ini, terdapat 281 Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara, membabitkan ahli seramai 12,000 orang," ujarnya.